

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN.**

Kehidupan di dunia merupakan jambatan menuju akhirat yang bersifat kekal untuk selama-lamanya. Sebagai manusia beriman hendaklah mencari sebanyak mungkin bekalan yang berbentuk amal ibadat dan seterusnya berperanan sebagai khalifah yang bertanggungjawab memakmurkan bumi. Allah s.w.t telah menegaskan di dalam surah al-Faathir ayat 39 bermaksud: "*Dia yang menjadi kamu khalifah (penguasa) di muka bumi ini*".

Amalan kebajikan merupakan satu bentuk ibadat yang sangat digalakkan oleh Islam, di antara amalan kebajikan yang sangat dituntut oleh Syarak ialah amalan berwakaf. Allah menjanjikan ganjaran yang besar bagi umatnya melakukan amalan kebajikan, sebagaimana Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 261 bermaksud: "*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya ke jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai mengandungi seratus biji, dan ingatlah Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnianya, lagi meliputi ilmu pengetahuan*".

Salah satu peranan manusia sebagai khalifah ialah membangunkan sumber bumi yang dianugerahkan oleh Allah ini dengan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam. Pembangunan hasil bumi adalah pendekatan yang terbaik bagi menjamin kekuahan masyarakat dan negara.

Allah s.w.t telah mengurniakan alam dan isinya kepada manusia untuk diambil manfaat daripadanya, ini jelas dalam al-Quran surah Ibrahim ayat 32 bermaksud: *"Allah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit kemudian mengeluarkan daripada air hujan itu berbagai buah-buahan, menjadi rezeki kepada kamu dan Dia menyediakan bahtera belayar di lautan dengan kehendakNya dan Dia telah menundukkan (pula) bagimu sungai-sungai (semuanya untuk kepentingan manusia)"*.

Jelasnya, semua makhluk yang terdapat di darat, di laut dan di langit pada umumnya adalah dijadikan oleh Allah untuk kemudahan dan kepentingan manusia, sebagai bahan bagi mewujudkan pembangunan dan tamadun di bumi. Penggunaan ini akan bermanfaat selama ianya digunakan mengikut norma-norma yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t.

Islam melihat aspek pembangunan merupakan jalan penyelesaian bagi merealisasikan konsep khalifah Allah di bumi dan seterusnya meningkatkan taraf ekonomi umat manusia. Pembangunan adalah satu proses usaha untuk menyusun (bersifat proaktif) sebuah masyarakat atau negara ke arah memaju dan meningkatkan kualiti hidup manusia di peringkat individu dan masyarakat. Pembangunan ekonomi adalah sebahagian dari aspek pembangunan tersebut.

Matlamat akhir pembangunan mengikut Islam ialah untuk memuliakan martabat manusia di dunia dan seterusnya mencapai kemuliaan di akhirat. Mencapai kemuliaan manusia meliputi kejayaan membangun manusia dalam kesemua dimensi keperluan tabiinya semoga hidupnya berkualiti dalam semua aspek kehidupan termasuk kemajuan ekonomi.<sup>1</sup>

Konsep pembangunan Islam mempunyai sifat yang menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek moral, kerohanian dan kebendaan. Pembangunan Islam menjadi suatu kegiatan yang berorientasikan nilai dan matlamat penyempurnaan kesejahteraan manusia dalam semua aspek. Dalam ajaran Islam aspek moral dan kebendaan, ekonomi dan sosial, kerohanian dan fizikal tidak boleh dipisahkan. Matlamat pembangunan Islam bukan sekadar kebajikan di dunia ini tetapi kesejahteraan yang berterusan sampai ke alam akhirat dan Islam tidak melihat sebarang konflik antara tujuan-tujuan itu.<sup>2</sup> Pembangunan yang dikehendaki oleh Islam ialah pembangunan yang bersepadu iaitu pembangunan rohani, mental, fizikal iaitu pembangunan insan muslim agar menjadi mukmin yang salih yang berjaya memainkan peranannya untuk menjadi khalifah Allah s.w.t di bumi dan pada masa yang sama menjadi hamba Allah yang beriman dan salih.<sup>3</sup>

Dengan itu konsep pembangunan Islam hendaklah terbit daripada dasar *tadhkiyyah* kerana ia berkaitan dengan persoalan pembangunan manusia dalam semua dimensinya. Ia memberi perhatian kepada pertumbuhan dan perkembangan ke arah kesempurnaan melalui kesempuraan sikap dan hubungan. Hasil dari *tadhkiyyah* ialah *al-falah* (kejayaan), iaitu kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.<sup>4</sup>

## 1.2 DEFINISI DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN DALAM ISLAM

Pembangunan didefinisikan sebagai satu kesedaran untuk mengarahkan usaha dan tindakan yang rasional dan positif untuk mencapai apa yang dihajati seperti apa yang telah dibincangkan.<sup>5</sup> Menurut Alfred Borne pembangunan adalah mengandungi satu ciri aktiviti ekonomi yang menyebabkan bertambahnya hasil keluaran secara keseluruhan bertambah buruh, tenaga kerja dalam semua lapangan juga bertambah nisbah jumlah pendapatan keseluruhan penduduk.<sup>6</sup>

Konsep pembangunan dan teori-teori tentang pembangunan banyak dibincang dan ditulis oleh penulis Barat dan Timur dengan pendapat dan sudut pandangan yang berbeza.<sup>7</sup> Apa yang diperhatikan, anggota-anggota masyarakat dalam sistem pembangunan ala Barat berlumba-lumba untuk mendapatkan keuntungan sebanyak mungkin dari hasil pembangunan yang dijalankan, tanpa mengira akibatnya kepada manusia lain yang kurang bernasib baik dan yang tidak dapat memiliki modal atau harta tanah. Sementara ini sistem sosialis dan komunis pula menganggap manusia itu semata-mata alat atau mesin untuk mengeluarkan bahan-bahan demi memajukan dan memakmurkan negara. Dalam sistem ini manusia tidak mempunyai jiwa melainkan jasad yang patuh dan tunduk kepada kehendak pemerintah.<sup>8</sup> Islam dapat mengimbangi kedua-dua sistem ini. Islam memberi jiwa (rohani) dan jasmani kepada manusia. Penekanan terhadap pembangunan jiwa merupakan sesuatu yang dituntut oleh Islam. Islam melihat pembangunan sebagai cara, bukan matlamat, bagi manusia merasai kehidupan yang selamat di dunia dan akhirat.<sup>9</sup>

Walaupun pembangunan mempunyai makna yang berbeza-beza, namun satu makna yang diterima umum ialah perubahan. Oleh sebab itu, adalah sangat penting untuk memahami apa sahaja yang merupakan subjek perubahan dan apa yang tidak menurut perspektif Islam. Perbezaan ini merupakan bahagian yang penting bagi mengklasifikasikan antara pembangunan Islam dan bukan Islam.<sup>10</sup>

Pembangunan Islam juga bererti evolusi manusia, tetapi dalam skop yang berbeza dengan konsep evolusi barat. Evolusi dalam Islam bererti memandu dan mengubah masyarakat yang jahil kepada masyarakat Islam. Malah ajaran Islam adalah untuk tujuan tersebut. Secara ringkas, pembangunan dalam Islam dilahirkan melalui pembangunan sumber kemanusiaan, khususnya pembangunan kerohanian, di samping bentuk pembangunan yang lain seperti keintelektualan, bakat, kemahiran dan kemampuan yang menghasilkan kebendaan.<sup>11</sup>

Pembangunan Islam juga bererti memajukan dan membangunkan manusia di semua bidang kepada tingkat pencapaian yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pencapaian ini tidak akan membawa makna dan tidak akan membezakan dengan pembangunan lazim yang ada tanpa melalui tahap pertama yang menjadi asas pembangunan, iaitu peringkat kerohanian atau *tadhkiyyāt al-nafs*.<sup>12</sup>

Pembangunan ekonomi melibatkan berbagai aspek perubahan, sama ada kuantitatif ataupun kualitatif. Untuk memperluaskan perkembangan sosioekonomi, Islam telah menetapkan segala pembangunan hendaklah melalui dua prinsip:<sup>13</sup>

- Pendayagunaan secara maksimum sumber-sumber alam yang dikurniakan oleh Allah.
- Pemanfaatan dan pembahagian sumber itu secara sama rata menurut dasar kebenaran dan keadilan.

Melalui cara sedemikian akan melahirkan nilai *al-syukr* (berterima kasih kepada nikmat Allah), menegapkan *al-adl* (keadilan) dan dengan secara automatiknya akan mencegah *al-kufir* (kekufuran terhadap nikmat Allah) dan *al-zulm* (kezaliman). Berdasarkan kepada peraturan ini, proses perancangan pembangunan mestilah diasaskan di atas dasar penegakan nilai *al-syukr* dan *al-adl* dan pembasmian unsur-unsur *al-kufir* dan *al-zulm*.<sup>14</sup>

Konsep pembangunan Islam skopnya lebih luas. Ianya meliputi aspek-aspek moral, material dan spiritual. Pembangunan menjadi suatu matlamat yang mendesak. Semua kegiatannya berdasarkan kepada orientasi nilai dengan menumpukan perhatian untuk meningkatkan kebajikan umat manusia dari semua segi. Kerana itu dalam soal pembangunan unsur-unsur moral dan kebendaan, ekonomi dan sosial, fizikal dan spiritual tidak mungkin dipisah-pisahkan. Matlamatnya untuk mencapai keselamatan dan kedamaian hidup di dunia dan akhirat.<sup>15</sup>

Sekiranya difahami konsep pembangunan dalam Islam, maka perancangan pembangunan yang melibatkan tanah wakaf dapat di lakukan dengan lebih teratur dan tersusun, seterusnya ia dijadikan panduan supaya pembangunan itu tidak bersalahan dengan undang-undang yang telah ditetapkan. Bagi mencapai matlamat itu, pembangunan yang hendak dijalankan itu mestilah disertai dengan dua unsur iaitu

pembangunan kebendaan dan pembangunan rohani. Hal ini berbeza sama sekali dengan dengan sistem-sistem yang selain daripada Islam yang tidak menekankan ajaran agama, akhlak, keadilan dan perikemanusiaan yang sebenar.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN.**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Untuk mengkaji dengan lebih teliti pentadbiran Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Lembaga Wakaf Dan Baitulmal (LUKMAL) dalam membangunkan harta wakaf.
2. Untuk mengkaji dan meneliti prosedur wakaf di negeri Melaka sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991.
3. Mengenal pasti program pembangunan yang dilakukan terhadap harta wakaf di negeri Melaka dan perancangan-perancangan yang akan dilaksanakan.
4. Mengemaskinikan data-data atau maklumat-maklumat yang berkaitan dengan harta wakaf di negeri Melaka.
5. Mengenal pasti masalah-masalah dan cadangan-cadangan pentadbir harta wakaf, penerima manfaat wakaf dan pewakaf mengenai harta wakaf itu sendiri.

Dengan adanya objektif-objektif ini, bukan sahaja menjadi panduan dan pedoman dalam penyelidikan bahkah ia merupakan satu matlamat dalam sesuatu usaha yang perlu dicapai. Seterusnya ia dapat membawa hasil yang baik.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN.**

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan yang diperolehi daripadanya. Walau bagaimanpun, kajian ini memberi manfaat kepada pihak penulis di dalam mengetahui cara-cara pentadbiran dan pembangunan yang dijalankan.

Pihak Majlis Agama juga dapat mengambil inisiatif yang dicadangkan kerana setiap yang dibuat disertakan dengan cadangan-cadangan yang diharapkan akan dapat membuka jalan untuk dipertimbangkan dan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Kajian ini penting bagi para pengkaji untuk mengetahui dengan lebih jelas kedudukan tanah wakaf yang didapati di negeri Melaka, serta sistem pentadbiran dan pembangunan yang dijalankan ke atasnya.

Di dalam meneliti pembangunan yang berkaitan adalah penting untuk melihat sejauhmana kerjasama yang diberikan terhadap projek-projek yang dijalankan. Sebagai sebuah institusi, wakaf sepatutnya dapat berkembang, bergerak cergas dengan lebih berkesan baik dari segi organisasinya mahupun dari segi kegiatan-kegiatan yang lain. Adalah penting institusi wakaf memainkan peranan yang lebih aktif dan berkesan dalam pembangunan sosio ekonomi dan pelaburan.

## **1.5 BIDANG KAJIAN.**

Dalam menyiapkan kajian ini, perbincangannya adalah tertakluk kepada tajuk yang dipilih iaitu “*Pentadbiran dan Pembangunan Harta Wakaf di Negeri Melaka*”. Tumpuan utama diberikan dalam menjelaskan bidang kajian dilihat dari dua keadaan seperti berikut:

i. **Undang-undang wakaf mengikut pandangan fuqaha’.**

Undang-undang dan peraturan-peraturan Islam mengenai wakaf adalah dasar utama dalam menyiapkan kajian ini. Pengfokusannya didasarkan kepada dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadith. Bagi mengukuhkan lagi perbincangan mengenai wakaf penulis merujuk pandangan daripada mazhab yang muktabar iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali serta pandangan-pandangan daripada ulama semasa. Perkara ini dapat dilihat melalui pendekatan penulisan mereka mengenai wakaf. Keadaan ini membantu penulis supaya kajian ini tidak terkeluar daripada landasan yang sebenarnya.

ii. **Amalan pentadbiran wakaf di negeri Melaka.**

Majlis Agama Islam Negeri Melaka merupakan tempat utama rujukan penulis bagi megentahui keadaan yang sebenarnya mengenai amalan wakaf yang dilakukan di negeri Melaka. Antara amalan wakaf yang dikaji ialah dari sudut prosedur perundungan, pengesahan wakaf, pembangunan harta wakaf dan pentadbiran terhadap harta wakaf.

Seterusnya melihat sejauhmanakah peranan Majlis Agama Islam terhadap “pembangunan” yang berkaitan hal-hal harta wakaf di negeri Melaka sama ada pembangunan harta wakaf yang dilakukan menepati keperluan masyarakat Islam, dengan adanya pengurusan yang betul dapat mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap badan yang mengendalikan hal-ehwal orang Islam iaitu Majlis Agama Islam Negeri Melaka itu sendiri.

## **1.6 METODOLOGI KAJIAN.**

Metodologi kajian merupakan aspek yang penting dalam usaha menghasilkan sesuatu keputusan yang sah dan boleh dipercayai. Metod sebagai suatu falsafah yang melibatkan andaian dan nilai yang menjadi kreteria bagi mengukuhkan data serta membuat kesimpulan. Metod-metod yang digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul dan menganalisis maklumat adalah seperti berikut:

### **1.6.1 KAJIAN PERPUSTAKAAN.**

Perkara pertama yang akan dilakukan oleh penulis ialah merujuk kepada kitab-kitab fiqh, hadith, al-Quran serta pendapat-pendapat ulama untuk melihat dengan lebih terperinci penghuraianya khususnya yang berkaitan dengan wakaf, seperti dari segi definisi, syarat-syarat, jenis-jenis dan perkara-perkara yang berkaitan dengan wakaf.

Pada peringkat kajian, penulis akan menggunakan perpustakaan yang hampir dengan penulis iaitu khususnya perpustakaan UiTM dan seterusnya perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Pusat Islam dan perpustakaan-perpustakaan yang lain.

Dalam kajian ini, penulis bukan sahaja bergantung sepenuhnya kepada buku-buku ilmiah semata-mata, tetapi penulis akan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah yang lain seperti majalah-majalah, akhbar-akhbar, kertas-kertas kerja, kertas-kertas seminar, simposium serta dokumen-dokumen yang terdapat di dalam pelbagai bahasa, ini termasuklah di dalam Bahasa Arab, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, serta lain-lain bahan yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Buku-buku yang dirujuk adalah untuk mendapatkan fakta-fakta yang tepat mengenai wakaf menurut undang-undang Islam dan ia juga sebagai bukti pengukuhan dalil yang dikemukakan.

#### **1.6.2 KAJIAN LAPANGAN.**

Data-data primer (utama) kajian ini diperolehi daripada kajian lapangan yang melibatkan metod-metod seperti berikut:

## I. SOAL SELIDIK.

Soal selidik ini akan dilakukan kepada tiga kategori responden seperti berikut :

1. Pentadbir Harta Wakaf seramai 50 orang responden.
2. Penerima Manfaat Wakaf seramai 40 orang responden, iaitu penerima manfaat kekal.
3. Pewakaf seramai 40 orang responden.

Pemilihan responden ini berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi dari Majlis Agama Islam Melaka yang diagihkan mengikut daerah-daerah di negeri Melaka (Daerah Melaka Tengah, Daerah Alor Gajah dan Daerah Jasin). Secara umumnya soal selidik diedarkan kepada responden adalah berperingkat-peringkat mengikut jadual yang dibuat oleh penulis sendiri sekitar awal januari hingga september 2000 sebagaimana yang tercatat dalam jadual di bawah.

Jadual 1.6.2: Tempoh Masa Soal Selidik

|       | Jan | Feb | Mac | April | Mei | Jun | Julai | Ogos | Sept. | Okt. | Nov | Dis. |
|-------|-----|-----|-----|-------|-----|-----|-------|------|-------|------|-----|------|
| A.L   |     |     |     |       |     |     |       |      |       |      |     |      |
| M.T   |     |     |     |       |     |     |       |      |       |      |     |      |
| Jasin |     |     |     |       |     |     |       |      |       |      |     |      |

A.L: Alor Gajah

M.T: Melaka Tengah



Alor Gajah



Melaka Tengah



Jasin

## **ii. OBSERVASI.**

Pada keseluruhan pemerhatian dibuat dari semasa ke semasa, secara spesifiknya ia dilakukan mengikut jadual yang telah dirangka (lihat, h. 12). Penulis menggunakan kaedah ini adalah untuk merealisasikan keadaan yang sebenar yang terdapat pada tanah wakaf iaitu dari sudut pembangunan yang telah dilakukan. Pemerhatian ini dibuat secara serentak sewaktu penulis mengedarkan borang soal selidik kepada responden

## **iii. TEMUBUAL.**

Teknik temubual yang digunakan oleh penulis adalah dalam dua bentuk iaitu formal (dibuat dengan temujanji) dan tidak formal (tiada temujanji). Kesuruhan boleh dikatakan tiada masa yang tertentu yang dibuat oleh penulis, kerana ia dilakukan secara berterusan bergantung kepada maklumat yang dikehendaki dalam penulisan.

Pihak yang terlibat secara langsung melalui kaedah temubual ialah dengan pegawai-pegawai dan kakitangan pihak Majlis Agama Islam seperti Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka, Setiausaha Majlis Agama Islam, Mufti, Ketua Penolong Pengarah Lembaga Zakat dan Baitumal Melaka dan pegawai-pegawai yang berkaitan. Secara tidak langsung ialah dengan orang perseorangan yang terlibat terutamanya Ketua Kampung, Ahli Jawatankuasa Keselamatan Kampung, Pengerusi Masjid, Imam, Bilal, Noja dan individu-individu tertentu yang boleh mengukuhkan lagi fakta

yang dikemukakan. Dengan kaedah ini, penulis akan memperolehi maklumat yang tepat dan terkini untuk kajian yang dilakukan.

### **1.6.3 PENGANALISAAN DATA.**

Di dalam kaedah ini penulis menganalisa data-data yang diperolehi daripada responden secara kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan program *SPSS (Statistical Package For Social Science)*. Penganalisaan ini didasarkan kepada respon-respon terhadap soal selidik, perhatian dan temubual disamping bahan-bahan bacaan tertentu. Dalam kaedah ini penulis akan menggunakan tiga metod yang penting seperti yang tersenarai di bawah.

#### **i. METOD INDUKTIF.**

Iaitu cara membuat kesimpulan bagi perkara-perkara yang bersifat khusus dan untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum. Metod ini telah digunakan terutamanya dalam konsep wakaf yang telah diperluaskan pergantungannya dalam aspek kehidupan.

## **ii. METOD DEDUKTIF.**

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan berpandukan daripada dalil-dalil yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus.

## **iii. METOD PERBANDINGAN.**

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan cara perbandingan terhadap fakta-fakta dan data-data yang diperolehi. Dengan adanya cara perbandingan ini sesuatu data dapat dilihat dengan jelas dan berkesan.

## **1.7 MASALAH KAJIAN.**

Setiap kajian dan penyelidikan yang dijalankan tidak dapat lari daripada menghadapi masalah sama ada masalah kecil ataupun besar. Demikian juga kajian ini, terdapat masalah-masalah tertentu yang penulis hadapi sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Di bawah disenaraikan masalah yang berkaitan dengan kajian lapangan.

- (1) Masalah yang berkaitan dengan responden iaitu meliputi pentadbir harta wakaf, penerima manfaat wakaf dan pewakaf ialah:

- Kurangnya kerjasama daripada pihak responden di mana ada di antara mereka tidak memberikan maklumat sebagaimana yang dikehendaki. Terdapat juga responden yang tidak menepati janji walaupun janji telah dibuat.
- Tidak menepati janji di mana terdapat responden seolah-olah melarikan diri daripada penulis walaupun tarikh dan masa telah dipersetujui bersama.
- Masalah keuzuran responden berlaku terhadap pewakaf yang telah berusia lanjut yang mana ada diantara mereka tidak faham apabila soalan diajukan, ada yang pekak dan ada juga yang sedang sakit. Bagi meyelesaikannya penulis terpaksa berhubung dengan orang yang berkaitan dengan responden seperti anak, isteri, suami dan saudara-saudaranya.
- Rekod tentang pewakaf (alamat) yang tersimpan di Majlis Agama Islam Negeri Melaka kebanyakannya tidak lagi tepat kerana sebahagian besar daripada pewakaf telah berpindah ke alamat baru.
- Terdapat di kalangan responden yang tinggal jauh di pendalaman di mana keadaan ini menyebabkan penulis terpaksa menggunakan khidmat masyarakat setempat dan kadang-kadang menggunakan perkhidmatan posmen bagi mengenali tempat tinggal responden.

Dengan masalah itu, segala perancangan yang diatur tidak dapat dipenuhi seperti bilangan pewakaf 40 orang, yang mana mampu diperolehi ialah 34 orang sahaja. Walau bagaimanapun bilangan ini penulis merasakan sudah cukup menggambarkan pewakaf-pewakaf yang berada di seluruh daerah negeri Melaka.

(2) Kesukaran untuk mendapatkan semua data-data yang berkaitan dengan tanah wakaf secara keseluruhan yang terdapat di negeri Melaka kerana sebahagiannya

masih tidak dapat dikesan oleh pihak Majlis Agama Islam sendiri. Disamping itu, terdapat tanah-tanah wakaf yang belum di serahkan oleh orang perseorangan kepada Majlis Agama Islam yang sebagai pemegang amanah bagi orang-orang Islam.

(3) Sistem merekod harta wakaf yang dilakukan oleh Majlis tidak kemas, kerana rekod-rekod yang ada tidak dikemaskini terutamanya alamat-alamat pewakaf.

(4) Selain daripada itu, masalah juga timbul disebabkan pihak Majlis Agama tidak mempunyai data-data lengkap bagi tanah-tanah wakaf mengikut bilangan tahun untuk setiap daerah di negeri Melaka. Oleh yang demikian, adalah amat sukar untuk mengkaji dengan lebih tepat mengenai pembangunan bagi tanah-tanah wakaf tersebut kerana ketiadaan keterangan lengkap mengenainya.

(5) Kurang mendapat kerjasama, ketidaktepatan janji dan sebagainya daripada kakitangan Majlis Agama Islam sendiri. Perkara ini mungkin berlaku disebabkan mereka dibebani dengan tanggungjawab sendiri dan ditambah lagi kakitangan yang mengendalikan harta wakaf tidak mencukupi.

(6) Selain daripada itu, masalah juga timbul disebabkan pihak Majlis Agama tidak mempunyai data-data lengkap bagi tanah-tanah wakaf mengikut bilangan tahun untuk setiap daerah di negeri Melaka. Oleh yang demikian, adalah amat sukar untuk mengkaji dengan lebih tepat mengenai pembangunan bagi tanah-tanah wakaf tersebut kerana ketiadaan keterangan lengkap mengenainya.

## **1.8 SUSUNAN KAJIAN.**

Bab pertama merupakan pengenalan, secara ringkas disentuh mengenai matlamat pembangunan dalam Islam, tajuk kajian, bidang kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian, masalah kajian dan susunan kajian.

Bab kedua diperjelaskan mengenai definisi wakaf dan sejarah perkembangannya, wakaf di dalam al-Quran dan al-Hadith serta pandangan ulama mazhab dan seterusnya pandangan ulama semasa dalam penghuraian mengenai wakaf.

Bab ketiga mengenai pembentukan akad wakaf, iaitu dibincang mengenai pewakaf, penerima wakaf, barang yang diwakafkan, *sighah* dan pentadbiran harta wakaf.

Bab keempat mengenai struktur organisasi Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM) dan Lembaga Wakaf Dan Baitulmal (LUKMAL). Diterangkan juga mengenai prosedur wakaf di negeri Melaka mengikut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991, iaitu dari sudut pendaftaran, pengesahan penggunaan dan bantuan terhadap harta wakaf serta kajian terhadap projek-projek pembangunan yang dilakukan terhadap tanah wakaf.

Bab kelima mengenai statistik, jumlah dan kegunaan harta wakaf di negeri Melaka, bab keenam mengenai analisa kajian terhadap pentadbir harta wakaf, penerima manfaat wakaf dan bab ketujuh iaitu penutup serta cadangan.

---

<sup>1</sup>Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (1999), "Sumbangan Institusi Wakaf Kepada Pembangunan Ekonomi", (Seminar Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia, 24-25Mac 1999, Intitut Kefahamana Islam Malaysia (IKIM)), h.1.

<sup>2</sup>Shafie Hj. Mohd Saleh dan Mohd Affandi Hassan (1991), *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, h.188.

<sup>3</sup>Prof. Dato' Dr. Mahmud Saedon Awang Othman (1998), "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ummah", *Al-Ahkam*, j.6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.173.

<sup>4</sup>*Ibid.*

<sup>5</sup>Raleigh Barlowe (t.t), "Planning For Better Land Use", dalam *Land Resource Economic And The Economic of Real Estate*, 3<sup>rd</sup>. Edition, Michigan State University, h. 531.

<sup>6</sup>Alfres Borne (1960), *Studies In Economic Development*, London: Routledge And Regan Paul, h. 250.

<sup>7</sup>Dr. Nik Mohd Zin Nik Yusof (1991), "Pembangunan Hartanah Mengikut Perspektif Islam", *Al-Ahkam*, j.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 88.

<sup>8</sup>Prof. Dato' Dr. Nik Mohd. Zin Haji Nik Yusof (1999), "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Harta Tanah Wakaf Di Malaysia", (Seminar Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia, IKIM, 1999), h. 8.

<sup>9</sup>*Ibid.*

<sup>10</sup>Muhammad Al-Buraey (penterjemah, Abdullah Md.Noor, Norlida Abdul Halim, Noorlela Hassan) (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. xix.

<sup>11</sup>Suratman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 186.

<sup>12</sup>*Ibid.*

<sup>13</sup>Cf. Khurshid Ahmad (1978), *Islam and The Challenge of Economic Development*, The Challenge of Islam, London: Altaf Ghauhar, h. 348.

<sup>14</sup>*Ibid.*

<sup>15</sup>Hailani Muji Tahir (1402H/1982), *Institusi Kewangan Negara Islam*, Kajang: Al-Rahmaniah (Badan Bakwah dan kebijakan Islam Malaysia), h.144.